



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Benda-Benda Radioaktif 1968
DR.13/1968

RANG UNDANG² BENDA² RADIOAKTIF

SUSUNAN FASAL²

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

- Fasal —
1. Tajok ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
 2. Tafsiran.

BAHAGIAN 2

MENGAWAL BENDA² RADIOAKTIF DAN RADAS

3. Mengawal perkilangan dan perniagaan benda² radioaktif.
4. Mengawal penggunaan benda² radioaktif.
5. Penyata jualan.
6. Mengawal penggunaan radas pendiangan.

BAHAGIAN 3

PERMIT

7. Pengelasan permit.
8. Syarat² dalam permit.
9. Pengarah boleh mengeluarkan permit.
10. Daftar.

BAHAGIAN 4

PEMBATALAN, PENGGANTONGAN DAN PEMBAHARUAN PERMIT

11. Pembatalan atau penggantongan permit.
12. Pembaharuan permit.
13. Pemegang permit hendak-lah memberitahu pertukaran 'alamat.

BAHAGIAN 5

RAYUAN

14. Rayuan.

BAHAGIAN 6

MASOK DAN PEMEREKSAAN


15. Masok dan pemereksaan.
16. Mengambil chontoh dan menguji benda² radioaktif dan radas pendiangan.

BAHAGIAN 7

'AM

Fasal

17. Jawatan-kuasa Penasihat.
18. Penyata.
19. Perwakilan oleh Pengarah.
20. Kesalahan.
21. Rampasan.
22. Pengechualian.
23. Kaedah².
24. Kechualian.
25. Penjalanan Act.
Jadual—Unsor² Tertentu.



RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act untok membuat peruntukan bagi mengawal benda² radioaktif dan radas pendiangan dan bagi perkara² yang berhubung dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH Di-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act Benda² Radioaktif, 1968, dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia Barat.

Tajok ringkas, pemakaian dan mula berkuat-kuasa.

(2) Act ini hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Mentri melalui pemberitahu dalam *Warta Kerajaan*, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

2. Dalam Act ini, melainkan kandungan ayat-nya meng-hendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“binatang” termasuk-lah kuda, lembu-kerbau, kambing biri², kambing, babi, anjing, kucing dan mana² binatang yang di-simpan dalam kurungan atau yang dalam kawalan;

“kenderaan” termasuk-lah kapal, teren, kereta, kapal udara atau mana² chara pengangkutan lain yang dengan-nya orang atau barang² boleh di-angkut;

“Pengarah” erti-nya Pengarah Perkhidmatan Perubatan;

“penghapusan” berhubung dengan sisa, termasuk-lah mengaleh, menyimpan, memusnah, melepaskan (sama ada ka-dalam ayer, udara, pembetong atau parit atau dengan jalan lain), atau menanam-nya;

“radas pendiangan” erti-nya radas yang boleh mengeluarkan pancharan chahaya pengionan;

“Mentri” erti-nya Mentri yang bertanggung-jawab atas kesihatan ‘awam;

“di-tetapkan” erti-nya di-tetapkan oleh kaedah² yang di-buat di-bawah Act ini;

“benda² radioaktif” erti-nya sa-suatu benda yang ter-masok di-bawah salah satu atau kedua² perihal yang berikut, ia-itu—

- (a) suatu benda yang mengandongi sa-suatu unsur yang di-nyatakan dalam ruangan pertama Jadual ini, mengikut suatu perbahagian yang bilangan mek-rokuri unsur yang terkandung dalam benda itu, apabila di-bahagi dengan bilangan gramme berat benda itu, ada-lah suatu bilangan yang lebeh besar daripada yang di-nyatakan berhubung dengan unsur dalam ruangan kedua Jadual ter-sebut;
- (b) suatu benda yang mengandongi radioaktif yang kesemua atau sa-bahagian daripada-nya di-sebabkan oleh suatu proses pemecahan nukeliar atau proses² lain yang mendedahkan suatu benda kapada tembakan nuteron atau pada pancharan cahaya pengionan, ia-itu bukan-lah suatu proses yang berlaku di-sebabkan oleh takdir, atau di-sebabkan oleh penghapusan sisa radioaktif, atau dengan chara jangkitan dalam masa menggunakan suatu proses terhadap benda lain;

dan termasuk-lah apa² atau mana² benda yang bukan sisa radioaktif yang di-buat kesemua-nya atau sa-bahagian-nya daripada, atau menyatukan-nya dengan, benda² yang ter-sebut dalam (a) atau (b);

“sisa radioaktif” erti-nya sisa yang mengandongi kesemua atau sa-bahagian daripada—

- (a) benda atau barang, jika ia-nya bukan sisa, yang boleh menjadi benda radioaktif; atau
- (b) benda atau barang yang telah di-jangkiti dalam masa benda radioaktif di-buat, di-simpan atau di-gunakan, atau dengan bersentoh atau berdekatan dengan sisa lain mengikut yang di-ertikan dalam (a);

“doktor X-ray” erti-nya sa-orang pengamal perubatan yang mempunyai pengetahuan khas dan yang telah menerima latehan khas mengenai penggunaan atau pemakaian X-ray bagi maksud daignos sa-suatu keadaan biasa atau luar-biasa mengenai tuboh manusia;

“perawat X-ray” erti-nya sa-orang pengamal perubatan yang mempunyai pengetahuan khas dan yang telah menerima latihan khas mengenai penggunaan atau pemakaian X-ray atau benda² radioaktif bagi maksud rawatan atau meringankan sa-suatu keadaan luar-biasa mengenai tuboh manusia atau bagi apa² maksud lain yang menghendaki pengetahuan khas tersebut;

“dokter gigi berdaftar”, “pegamal perubatan berdaftar” dan “ahli farmasi berdaftar” tiap² satu-nya masing² bererti sa-orang doktor gigi, pengamal perubatan dan ahli farmasi berdaftar menurut peruntukan² undang² yang berhubung dengan pendaftaran orang² tersebut;

“jualan” termasuk-lah—

- (a) membekalkan atau dengan jalan lain memperniagakan atau melepaskan, sama ada dengan chara menjual, meminjam atau menghadiahkan;
- (b) tukar-barang; dan
- (c) menawarkan atau chuba menjual, atau menerima untok di-jual, atau menunjukkan untok di-jual, atau memileki untok di-jual, atau menghantar atau menyerahkan untok di-jual, atau menyebabkan supaya di-jual, di-tawarkan, atau di-tunjok untok di-jual;

dan perkataan² “jual”, “penjual”, dan “pembeli” mempunyai erti² yang sa-tanding;

“benda” erti-nya benda² yang sa-mula jadi atau benda buatan, sama ada berbentuk pejal atau chaer, atau berbentuk gas atau wap, dan termasuk-lah apa² barang perkilangan atau apa² barang yang di-awet atau di-proses dengan kekuasaan rekaan manusia;

“dokter haiwan” erti-nya sa-saorang yang menjadi ahli Maktab di-Raja Doktor Haiwan England atau yang memegang suatu ijazah atau diploma dalam mana² yayasan kehaiwanan lain atau badan pemereksa yang di-luluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

BAHAGIAN 2

MENGAWAL BENDA² RADIOAKTIF DAN RADAS

3. (1) Tiada-lah sa-saorang pun boleh mengilang, menjual, menyimpan, mengimpot atau mengekspot apa² benda radioaktif, radas pendiangan atau sisa radioaktif melainkan ia ada-lah sa-orang pemegang permit sah yang di-keluarkan di-bawah Act ini membenarkan-nya berbuat demikian.

Mengawal
perkilangan
dan
perniagaan
benda²
radioaktif.

(2) Sekshen ini tiada-lah mengenai benda radioaktif, radas pendiangn atau sisa radioaktif yang di-bawa sa-bagai sa-bahagian daripada simpanan atau kelengkapan mana² kapal, kapal udara atau mana² kenderaan lain; dan suatu perakuan oleh sa-orang yang di-lantek oleh Pengarah sa-bagai suatu pehak-berkuasa yang layak bagi maksud sekshen-kechil ini, menyatakan bahawa sa-suatu benda itu ada-lah atau bukan-lah sa-bahagian daripada mana² simpanan atau kelengkapan, hendak-lah menjadi akhir dan mu'tamad.

Mengawal
penggunaan
benda²
radioaktif.

4. (1) Tiada-lah sa-saorang pun boleh menggunakan apa² benda radioaktif, melainkan ia ada-lah sa-orang pemegang permit sah yang di-keluarkan di-bawah Act ini membenarkan-nya berbuat demikian atau ia ada-lah sa-orang yang bertindak di-bawah penyeliaan atau arahan sa-saorang yang memileki permit tersebut.

(2) Tiada-lah sa-saorang pun boleh menggunakan apa² benda radioaktif bagi merawat sa-orang manusia atau sa-ekor binatang melainkan ia ada-lah sa-orang pengamal perubatan atau doktor haiwan berdaftar, mengikut mana yang berkenaan, memegang suatu permit sah yang di-keluarkan di-bawah Act ini membenarkan-nya berbuat demikian.

(3) Sekshen ini tiada-lah mengenai mana² orang yang bertindak di-bawah penyeliaan atau arahan sa-orang pengamal perubatan atau doktor haiwan berdaftar yang memileki suatu permit sah sa-bagaimana yang tersebut di-atas.

Penyata
jualan.

5. Penyata mengenai tiap² jualan radas pendiangn oleh sa-saorang yang menjual radas itu hendak-lah di-beri kepada Pengarah dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas jualan itu; dan penyata tersebut hendak-lah, sa-bagai tambahan, mengandongi nama dan 'alamat orang yang membeli-nya.

Mengawal
penggunaan
radas
pendiangn.

6. Tiada-lah sa-saorang pun boleh menggunakan apa² radas pendiangn melainkan ia ada-lah sa-orang pemegang permit sah yang di-keluarkan di-bawah Act ini membenarkan-nya menggunakan radas pendiangn dari jenis radas yang tersebut dalam permit itu, atau ada-lah sa-orang yang bertindak di-bawah penyeliaan atau arahan sa-saorang yang memileki permit tersebut.

BAHAGIAN 3

PERMIT

7. (1) Permit² yang di-keluarkan di-bawah Act ini hendaklah di-kelaskan seperti berikut—

Pengelasan
permit.

- (a) permit bagi segala maksud yang boleh di-keluarkan kepada sa-orang doktor X-ray atau perawat X-ray;
- (b) permit bagi maksud² daignos atau penyembohan am yang boleh di-keluarkan kepada sa-orang pengamal perubatan berdaftar;
- (c) permit bagi maksud² daignos gigi yang di-keluarkan kepada sa-orang doktor gigi berdaftar atau pengamal perubatan berdaftar;
- (d) permit bagi maksud² kehaiwanan yang boleh di-keluarkan kepada sa-orang doktor haiwan;
- (e) permit untuk mengilang, menyimpan, menjual, mengimpot atau mengeksport benda radioaktif, radas pendiangan atau sisa radioaktif;
- (f) permit bagi perusahaan, ujikaji, ujian, pertunjukan, penyelidekan atau lain maksud tertentu yang boleh di-keluarkan kepada sa-saorang yang, pada pendapat Pengarah sa-lepas berunding dengan Jawatan-kuasa Penasihat X-ray, mempunyai pengalaman yang cukup tentang menggunakan benda² radioaktif atau cahaya pengionan.

(2) Tiada-lah sa-saorang pun boleh menggunakan apa² benda radioaktif atau radas pendiangan bagi sa-suatu maksud lain daripada yang di-nyatakan dalam permit-nya mengenai benda atau radas itu.

8. (1) Sa-suatu permit itu boleh terta'alok kepada syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan patut di-kenakan oleh Pengarah; dan apa² syarat yang di-kenakan itu boleh pada bila² masa jua di-ubah atau di-mansokhkan oleh Pengarah.

Sharat²
dalam
permit.

(2) Dengan tiada memudharatkan keluasan ma'ana yang tersebut di-atas itu, sa-suatu permit yang di-keluarkan menurut sekshen 7 (1) (e) boleh di-hadkan kepada benda² radioaktif jenis atau jenis² tertentu, atau boleh di-hadkan bagi maksud² daignos atau penyembohan tertentu, terhadap kepada contoh dan jenis-nya; dan sa-suatu permit yang di-keluarkan bagi radas pendiangan boleh di-hadkan kepada radas tertentu atau kepada radas jenis atau jenis² tertentu atau boleh di-hadkan bagi maksud² daignos atau penyembohan tertentu, terhadap kepada contoh dan jenis-nya.

Pengarah
boleh
mengeluar-
kan permit.

9. (1) Sa-saorang yang berkehendak untok mendapatkan sa-suatu permit di-bawah Act ini hendak-lah membuat suatu permohonan bagi maksud itu kapada Pengarah mengikut chara yang mungkin di-tetapkan.

(2) Pengarah boleh, atas permohonan sa-demikian, mengeluarkan kapada pemohon itu suatu permit dalam borang yang di-tetapkan apabila bayaran yang di-tetapkan di-bayar atau boleh, jika di-fikirkan-nya patut, enggan mengeluarkan permit itu.

(3) Tiap² permit yang di-keluarkan menurut sekshen ini, melainkan di-batal atau di-gantung terdahulu daripada itu menurut peruntukan² Act ini hendak-lah terus berkuatkuasa hingga 31 haribulan Disember yang akan datang berikutan dengan tarikh permit itu di-keluarkan.

Daftar.

10. (1) Pengarah hendak-lah menyimpan dan menyenggara daftar² sa-bagaimana yang mungkin di-tetapkan bagi maksud² Act ini.

(2) Kandongan tiap² daftar itu boleh-lah di-buktikan dalam mana² pembicharaan dengan suatu perakuan di-bawah tandatangan Pengarah dan tiap² perakuan sa-demikian ada-lah bukti *prima facie* tentang perkara² yang di-nyatakan di-dalam-nya.

BAHAGIAN 4

PEMBATALAN, PENGGANTONGAN DAN PEMBAHARUAN PERMIT

Pembatalan
atau peng-
gantongan
permit.

11. Pengarah boleh, menurut budibichara-nya, membatalkan atau menggantung bagi tempoh yang di-fikirkan-nya patut sa-suatu permit yang di-keluarkan di-bawah Act ini menurut mana² daripada hal² yang berikut, ia-itu—

- (a) jika pemegang-nya telah di-thabitkan atas suatu kesalahan di-bawah Act ini atau mana² kaedah yang di-buat di-bawah-nya;
- (b) jika pemegang-nya telah melakukan suatu langgaran mana² sharat permit itu;
- (c) jika pada pendapat-nya ada-lah bagi kepentingan 'awam untok berbuat demikian.

Pem-
baharuan
permit.

12. (1) Sa-suatu permit yang di-keluarkan di-bawah Act ini boleh dari sa-masa ka-samasa di-baharuï.

(2) Sa-saorang yang berkehendak untok membaharuï sa-suatu permit yang di-keluarkan di-bawah Act ini hendak-lah membuat permohonan kapada Pengarah mengikut chara yang mungkin di-tetapkan.

(3) Pengarah boleh atas permohonan sa-demikian mem-baharui permit itu atau jika di-fikirkan-nya patut berbuat demikian boleh menolak pembaharuan permit tersebut.

13. Tiap² pemegang permit yang di-keluarkan di-bawah Act ini hendak-lah memberitahu Pengarah mengenai apa² pertukaran 'alamat-nya dalam tempoh tiga bulan daripada pertukaran tersebut.

Pemegang permit hendak-lah memberi-tahu pertukaran 'alamat.

BAHAGIAN 5

RAYUAN

14. (1) Tiap² orang yang tiada puashati dengan apa² keputusan Pengarah di-bawah Bahagian 3 atau Bahagian 4 boleh dalam tempoh sa-bulan sa-lepas di-beritahu mengenai keputusan tersebut memberi notis rayuan kepada Mentri mengikut chara yang di-tetapkan.

Rayuan.

(2) Mentri hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh menyebabkan supaya di-sampaikan kepada pihak merayu suatu notis bertulis menyatakan masa bila dan tempat di-mana rayuan itu akan di-dengar.

(3) Alasan² rayuan hendak-lah di-serahkan kepada Mentri tidak lewat dari sa-puluh hari sa-belum tarikh yang di-tentukan bagi mendengar rayuan itu.

(4) Pada masa rayuan itu di-dengar pihak merayu boleh-lah hadir sendiri atau di-wakili oleh peguam, dan Mentri boleh menghendaki keterangan² yang di-fikirkan-nya patut.

(5) Mentri boleh, sa-lepas mendengar rayuan itu, mengesahkan atau membatalkan keputusan Pengarah itu, atau boleh membuat perintah² lain yang di-sifatkan-nya sa-bagai patut; dan perintah Mentri itu ada-lah yang akhir dan mu'tamad dan tidak-lah boleh menjadi hal-perkara rayuan atau ulangkaji dalam mana² mahkamah.

BAHAGIAN 6

MASOK DAN PEMEREKSAAN

15. (1) Sa-saorang pegawai 'awam yang di-berikuasa oleh Pengarah ada-lah berhak masok pada bila² masa yang ber-patutan ka-dalam mana² premises atau kenderaan di-mana terdapat atau di-mana ia mempunyai sebab² yang mena-sabah bagi memperchayai bahawa ada apa² benda radioaktif atau radas pendiangan berkenaan dengan suatu permit yang pada masa itu berkuatkuasa di-bawah Act ini, atau yang di-kechualikan daripada pengambilan permit di-bawah Act ini, bagi maksud memeriksa atau menguji benda itu atau memeriksa atau melakukan ténukor radas itu, mengikut mana yang berkenaan.

Masok dan pemerek-saan.

(2) Sa-saorang pegawai 'awam yang menjalankan kuasa-nya di-bawah sekshen-kechil (1) hendak-lah menunjokkan surat pemberiankuasa-nya jika di-minta.

(3) Jika sa-saorang Mejisteret berpuashati mengikut ma'alumat dengan sumpah oleh sa-orang pegawai 'awam yang di-berikuasa sa-bagaimana yang tersebut di-atas bahawa—

(a) kemasokan-nya pada menjalankan kuasa yang di-beri di-bawah sekshen-kechil (1) telah di-tolak; atau

(b) ada sebab² menasabah bagi memperchayai bahawa suatu kesalahan di-bawah mana² daripada per-untukan² Act ini atau kaedah² yang di-buat di-bawah-nya telah atau sedang di-lakukan dalam sa-suatu premises atau kenderaan,

maka Mejisteret itu boleh mengeluarkan suatu waran membenarkan mana² orang yang tersebut dalam waran itu bersama dengan mana² pegawai polis, yang berpangkat tidak rendah daripada Inspekter, supaya memasoki, jika perlu dengan kekerasan, dan menggeledah mana² premises atau kenderaan itu.

Mengambil
contoh
dan menguji
benda²
radioaktif
dan radas
pendiangan.

16. Sa-saorang pegawai 'awam yang di-berikuasa oleh Pengarah untuk bertindak di-bawah sekshen 15 boleh tatkala berada dalam premises atau kenderaan di-mana benda radioaktif atau radas pendiangan di-simpan—

(a) mengambil-nya, dengan tiada pembayaran, chon-toh mana² benda yang di-perchayai-nya sa-bagai benda radioaktif sa-bagaimana yang perlu untuk di-pereksa dan di-uji;

(b) memeriksa dan tukur mana² radas pendiangan atau mana² radas yang di-perchayai-nya sa-bagai radas pendiangan;

(c) memeriksa premises atau kenderaan itu.

BAHAGIAN 7

'AM

Jawatan-
kuasa
Penasihat.

17. (1) Hendak-lah ada suatu jawatan-kuasa yang di-namakan "Jawatan-kuasa Penasihat X-ray" (kemudian daripada ini di-sebut "Jawatan-kuasa") mengandongi enam orang yang di-lantek oleh Mentri sa-lepas berunding dengan pertubohan² sains, profession atau teknik atau orang² yang di-fikirkan patut oleh Mentri.

(2) Jawatan-kuasa hendak-lah menasihat Mentri menge-nai apa² perkara yang mungkin di-rujokkan kapada-nya dari sa-masa ka-samasa oleh Mentri.

(3) Menteri hendak-lah melantek sa-orang ahli Jawatan-kuasa itu menjadi Pengerusi.

(4) Sa-orang ahli Jawatan-kuasa itu hendak-lah memegang jawatan-nya bagi sa-lama tempoh tiga tahun melainkan terdahulu daripada itu ia meletakkan jawatan-nya atau perlantekan-nya di-batalkan.

(5) Jawatan-kuasa itu hendak-lah menentukan achara-nya sendiri.

18. (1) Sa-saorang yang ada dalam milek atau kawalan-nya sa-suatu benda radioaktif atau radas pendiangan hendak-lah membuat suatu penyata bulanan kapada Pengarah mengikut chara yang mungkin di-tetapkan. Penyata.

(2) Tiap² penyata tersebut hendak-lah menyatakan banyak-nya dan jenis benda radioaktif atau radas pendiangan yang ada dalam milek atau kawalan-nya bersama dengan butir² lain sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Pengarah dari sa-masa ka-samasa.

19. (1) Dari sa-masa ka-samasa Pengarah boleh terta'alok kapada arahan khas atau 'am mewakilkan pada mana² orang atau mana² kelas orang² (sama ada dengan nama atau jawatan) mana² kuasa yang di-beri kapada-nya oleh Act ini sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut. Perwakilan
oleh
Pengarah.

(2) Sa-suatu perwakilan di-bawah sekshen ini boleh dari sa-masa ka-samasa di-batal atau di-ubah oleh Pengarah.

20. Sa-saorang yang tiada dengan sebab sah di-sisi undang² bertindak dengan melanggar atau dengan tiada mematohi mana² peruntukan Act ini atau mana² kaedah yang di-buat di-bawah-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara tidak lebeh daripada enam bulan, dan jika kesalahan itu ada-lah suatu kesalahan yang berpanjangan, denda sa-lanjut-nya yang tidak lebeh daripada lima puluh ringgit bagi tiap² hari atau sa-bahagian daripada sa-hari sa-lama kesalahan itu terus berlaku. Kesalahan.

21. (1) Jika sa-saorang itu di-thabitkan atas sa-suatu kesalahan di-bawah Act ini, mahkamah boleh sa-bagai tambahan kapada apa² hukuman yang di-kenakan memereintah supaya apa² benda radioaktif atau radas pendiangan yang berkenaan dengan-nya kesalahan itu di-lakukan di-rampas. Rampasan.

(2) Tiap² benda radioaktif dan tiap² radas pendiangan yang di-rampas di-bawah sekshen ini hendak-lah di-jual atau dengan jalan lain di-hapuskan mengikut chara yang di-arah oleh Mentri.

Penge-
chualian.

22. Mentri boleh, terta'alok kapada sharat² atau sekatan² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut atau mustahak, mengechualikan mana² orang atau mana² kelas orang² daripada mana² peruntokan Act ini atau mana² kaedah yang di-buat di-bawah-nya.

Kaedah².

23. (1) Mentri boleh membuat kaedah² bagi maksud menjalankan peruntokan² Act ini; dan dengan tiada me-mudharatkan keluasan ma'ana yang di-atas itu kaedah² tersebut boleh-lah di-buat bagi semua atau mana² satu daripada maksud² berikut :

- (a) membuat peruntokan² bagi menjamin supaya sa-suatu keluaran sisa radioaktif dari mana² puncha jua pun di-kumpul atau di-hapuskan dengan selamat-nya;
- (b) menetapkan chara mengawet atau menghapuskan mana² kenderaan, bungkusan atau bekas yang telah di-gunakan untok mengangkut, memuat atau menyimpan sa-suatu benda radioaktif;
- (c) menetapkan bagi maksud² yang bagi-nya sa-suatu benda radioaktif atau radas pendiangan boleh di-gunakan;
- (d) melarang atau menyekat penggunaan sa-suatu benda radioaktif tertentu atau sa-suatu benda radioaktif tertentu yang mengandongi lebeh daripada satu tumpuan mana² unsor kimia radio-aktif tertentu;
- (e) melarang atau menyekat penggunaan sa-suatu radas pendiangan dari jenis tertentu;
- (f) membuat peratoran mengenai pengeluaran penen-tuan ubat yang mengandongi sa-suatu benda radioaktif oleh pengamal² perubatan;
- (g) membuat peratoran mengenai pembanchohan ubat dan champoran apa² penentuan ubat yang mengandongi sa-suatu benda radioaktif oleh ahli farmasi berdaftar;
- (h) mengadakan peruntokan bagi membuat penyata oleh tuanpunya benda² radioaktif mengenai banyak-nya dan kelas² benda radioaktif yang di-pegang oleh mereka;

- (i) mengadakan peruntukan bagi menyimpan rekod oleh pembeli benda² radioaktif bagi menyatakan maksud² yang benda² itu di-gunakan, dan bagi pemereksaan rekod² itu, dan bagi membuat penyata² mengenai chatitan² dalam rekod itu;
- (j) mengadakan peruntukan bagi menyimpan rekod² mengenai semua pemakaian X-ray atau benda² radioaktif bagi maksud² penyembohan;
- (k) mengadakan peruntukan bagi achara dan menetapkan borang² permohonan, permit, daftar, notis dan lain² suratan yang di-kehendaki bagi maksud Act ini, atau memberikuasa kepada Pengarah supaya menetapkan borang²;
- (l) menetapkan bayaran yang kena di-bayar mengenai sa-suatu permohonan atau permit di-bawah Act ini;
- (m) mengadakan peruntukan bagi achara berhubung dengan rayuan² di-bawah Bahagian 5;
- (n) menetapkan apa² yang di-kehendaki supaya di-tetapkan di-bawah Act ini.

24. Tiada-lah apa² yang terkandung dalam Act ini boleh mengenai apa² yang di-buat atau di-tinggalkan daripada di-buat oleh atau menurut kuasa Kerajaan Persekutuan atau mana² Negeri. Kechualian.

25. Peruntukan² Act ini ada-lah sa-bagai tambahan kepada dan bukan-lah sa-bagai melemahkan mana² undang² lain berhubung dengan pengilangan, jualan, impot, eksport dan penyimpanan barang² berbahaya yang berkuatkuasa di-mana² bahagian Persekutuan. Penjalanan Act.

JADUAL
(Sekshen 2)
UNSOR² TERTENTU

(1) Unsor				(2) Mekrokuri bagi tiap ² satu gramme		
				Pejal	Chaer	Gas atau Wap
1.	Actinium	...	...	1×10^{-5}	20×10^{-6}	7×10^{-11}
2.	Lead	...	...	2×10^{-5}	1×10^{-7}	3×10^{-9}
3.	Polonium	...	...	1×10^{-5}	7×10^{-7}	6×10^{-9}
4.	Protoactinium	...	...	1×10^{-5}	9×10^{-7}	3×10^{-11}
5.	Radium	...	...	1×10^{-5}	1×10^{-8}	1×10^{-9}
6.	Radon	...	...	—	—	1×10^{-6}
7.	Thorium	...	...	7×10^{-5}	1×10^{-6}	6×10^{-10}
8.	Uranium	...	...	3×10^{-4}	2×10^{-8}	2×10^{-9}

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud mengadakan kawalan atas pengimpotan, pengilangan, jualan, penghapusan, penggunaan, penyimpanan dan pengangkutan benda radioaktif dan radas pendiangan. Oleh sebab penggunaan benda radioaktif sedang bertambah khusus-nya dalam bidang perusahaan, maka ada-lah mustahak suatu undang² di-kuatkuasakan untuk menchegeh kemungkinan terjadi-nya bahaya terhadap kesihatan. Peruntokan² Rang Undang² ini hanya menyatakan asas kawalan tersebut tetapi jentera dan butir² mengenai pengawalan itu yang di-buat oleh Rang Undang² ini akan di-adakan oleh kaedah² tertentu yang di-buat di-bawah Act yang di-chadangkan itu.

2. Benda radioaktif dan radas pendiangan ada-lah di-ta'arif dalam Rang Undang² ini (*lihat* Fasal 2 dan Jadual). Di-bawah Rang Undang² ini walau pun ada undang² lain, pengilangan, pengeluaran, jualan, penyimpanan, pengimpotan dan pengekspotan benda² radioaktif, radas pendiangan dan sisa radioaktif ada-lah di-larang melainkan di-bawah suatu permit (Fasal 3 dan Bahagian 3). Penggunaan benda² radioaktif akan juga di-larang melainkan di-bawah suatu permit (Fasal 4). Chara mengeluarkan permit dan jenis permit² itu dan sharat² yang di-kenakan ka-atas pengeluaran sa-demikian ada di-nyatakan dalam Bahagian 3 (Fasal 7, 8 dan 9). Bahagian 4 ada-lah berkenaan dengan chara-nya permit² yang di-keluarkan itu boleh di-batalkan atau di-gantung.

3. Peruntokan² bagi rayuan terhadap sa-suatu keputusan Pengarah Perkhidmatan Perubatan ada di-nyatakan dalam Bahagian 5. Keputusan Mentri mengenai rayuan tersebut ada-lah yang akhir dan mu'tamad (Fasal 14 (5)). Kuasa² memasoki dan memeriksa ada di-beri dalam Bahagian 6.

4. Suatu jawatan-kuasa penasihat bernama Jawatan-kuasa Penasihat X-ray di-tubuhkan di-bawah Rang Undang² ini mengandongi enam orang ahli yang akan menasihat Mentri mengenai sa-suatu perkara yang mungkin di-rujokkan kapada-nya oleh Mentri. Ada-lah di-harapkan bahawa Jawatan-kuasa itu akan mengandongi sa-bilangan besar daripada-nya orang² yang berkelayakan untuk menasihat mengenai perkara² sa-demikian oleh sebab pengetahuan sains, professional atau teknik mereka yang khas berhubung dengan barang² radioaktif (Fasal 17).

5. Kuasa membuat kaedah² bagi kawalan rapi yang di-harapkan oleh Rang Undang² ini ada-lah di-beri kapada Mentri oleh Fasal 23.

[PN. 4293.]